



KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA

Director-General of Education Malaysia

ARAS 8, BLOK E8, KOMPLEKS E

Level 8, Block E8, Complex E

PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

Federal Government Administrative Centre

62604 PUTRAJAYA

Tel: 03-8884 6077

Faks: 03-8889 4548

Laman Web: www.moe.gov.my

Ruj. Kami : KPM.100-1/3/2 Jld.10 (32)

Tarikh : 31 Disember 2024

**Semua Ketua Bahagian
Semua Pengarah Pendidikan Negeri**

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**SURAT SIARAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA BILANGAN 13
TAHUN 2024**

**KALENDAR AKADEMIK SESI 2025/2026 (PINDAAN) BAGI SEKOLAH KERAJAAN
DAN SEKOLAH BANTUAN KERAJAAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

Surat siaran ini bertujuan memaklumkan berkenaan Kalendar Akademik Sesi 2025/2026 (Pindaan) bagi Sekolah Kerajaan dan Sekolah Bantuan Kerajaan Kementerian Pendidikan Malaysia.

2. Susulan titah Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Ismail, Pemangku Sultan Johor pada 7 Oktober 2024 berkenaan pertukaran cuti hujung minggu Negeri Johor, Kerajaan Negeri Johor melalui Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor (Pejabat SUK Johor) telah mengeluarkan surat pemakluman Perubahan Cuti Hujung Minggu Negeri Johor bernombor rujukan SUKJ.BPSM.600-11/25/8 Jilid 2 (18) bertarikh 11 Disember 2024 ("Surat Pemakluman"). Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan, Perancangan, Pembangunan Ekonomi dan Pelancongan Negeri Johor dalam Surat Pemakluman tersebut, antara lainnya, bersetuju akan pertukaran cuti hujung minggu daripada hari Jumaat dan Sabtu kepada hari Sabtu dan Ahad berkuat kuasa mulai 1 Januari 2025.

3. Selaras dengan pemakluman daripada Pejabat SUK Johor tersebut, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengemas kini senarai negeri dalam Kumpulan A dan Kumpulan B. Mulai 1 Januari 2025, negeri dalam **Kumpulan A** ialah **Kedah, Kelantan dan Terengganu** manakala negeri dalam **Kumpulan B** ialah **Melaka, Johor, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Perlis, Pulau Pinang, Sabah, Sarawak, Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Labuan dan Wilayah Persekutuan Putrajaya**.
4. Kalendar Akademik Sesi 2025/2026 bagi negeri dalam **Kumpulan A** akan bermula dari **16 Februari 2025 hingga 10 Januari 2026** dan bagi negeri dalam **Kumpulan B** akan bermula dari **17 Februari 2025 hingga 11 Januari 2026**. Perincian penggal dan cuti persekolahan sesi 2025/2026 bagi negeri Kumpulan A adalah seperti pada **Lampiran A** dan bagi negeri Kumpulan B adalah seperti pada **Lampiran B**.
5. Kementerian juga telah menyelaraskan tarikh-tarikh bagi cuti perayaan sepanjang tempoh sesi persekolahan 2025/2026 yang melibatkan perayaan Hari Raya Aidilfitri, Tahun Baru Cina, Hari Deepavali, Pesta Kaamatan, Hari Gawai Dayak dan Hari Krismas. Maklumat terperinci berhubung cuti perayaan bagi sesi persekolahan 2025/2026 adalah seperti dalam **Lampiran C**. Semua sekolah hendaklah mematuhi peruntukan cuti tambahan oleh KPM sempena perayaan utama bagi sambutan Hari Raya Aidilfitri dan Hari Deepavali. Peruntukan cuti tambahan berkenaan **tidak perlu diganti**.
6. Surat siaran ini **berkuat kuasa serta-merta** mulai hari pertama persekolahan Kalendar Akademik Sesi 2025/2026.
7. Dengan berkuat kuasa surat siaran ini, maka Surat Siaran Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 10 Tahun 2024: Kalendar Akademik Sesi 2025/2026 bagi Sekolah Kerajaan dan Sekolah Bantuan Kerajaan Kementerian Pendidikan Malaysia bertarikh 5 Oktober 2024 adalah **terbatal**.
8. Kalendar Akademik Sesi 2025/2026 (Pindaan) bagi Sekolah Kerajaan dan Sekolah Bantuan Kerajaan Kementerian Pendidikan Malaysia boleh dimuat turun daripada laman sesawang KPM melalui pautan <https://www.moe.gov.my>.

9. YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan dimohon mengambil tindakan dan memaklumkan kandungan surat siaran ini kepada pegawai yang bertanggungjawab di bahagian KPM, jabatan pendidikan negeri, pejabat pendidikan daerah, pengetua dan guru besar bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Dato'/tuan/puan.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



~~(HAJI AZMAN BIN HAJI ADNAN)~~
Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
merangkap Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru
Kementerian Pendidikan Malaysia

- s.k.
1. YB Menteri Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia
 2. YB Timbalan Menteri Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia
 3. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
 4. Semua Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
 5. Semua Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
 6. Penasihat Undang-Undang
Kementerian Pendidikan Malaysia

KALENDAR AKADEMIK SESI 2025/2026

KUMPULAN A :

Sekolah-sekolah di negeri: Kedah, Kelantan dan Terengganu

PENGGAL	MULA PERSEKOLAHAN	AKHIR PERSEKOLAHAN	JUMLAH HARI	JUMLAH MINGGU
1	16.02.2025	28.02.2025	10	15
	01.03.2025	31.03.2025	20	
	01.04.2025	30.04.2025	19	
	01.05.2025	28.05.2025	18	
	JUMLAH HARI		67	
	CUTI PENGGAL 1, SESI 2025/2026			1
29.05.2025 - 09.06.2025		12		
2	10.06.2025	30.06.2025	15	14
	01.07.2025	31.07.2025	23	
	01.08.2025	31.08.2025	20	
	01.09.2025	11.09.2025	9	
	JUMLAH HARI		67	
	CUTI PENGGAL 2, SESI 2025/2026			1
12.09.2025 - 20.09.2025		9		
3	21.09.2025	30.09.2025	8	13
	01.10.2025	31.10.2025	19	
	01.11.2025	30.11.2025	21	
	01.12.2025	18.12.2025	14	
	JUMLAH HARI		62	
	CUTI AKHIR PERSEKOLAHAN SESI 2025/2026			3
19.12.2025 - 10.01.2026		23		

KALENDAR AKADEMIK SESI 2025/2026

KUMPULAN B :

Sekolah-sekolah di negeri: Melaka, Johor, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Perlis, Pulau Pinang, Sabah, Sarawak, Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Labuan dan Wilayah Persekutuan Putrajaya

PENGGAL	MULA PERSEKOLAHAN	AKHIR PERSEKOLAHAN	JUMLAH HARI	JUMLAH MINGGU
1	17.02.2025	28.02.2025	10	15
	01.03.2025	31.03.2025	20	
	01.04.2025	30.04.2025	18	
	01.05.2025	28.05.2025	18	
	JUMLAH HARI		66	
	CUTI PENGGAL 1, SESI 2025/2026			
29.05.2025 - 09.06.2025			12	
2	10.06.2025	30.06.2025	14	14
	01.07.2025	31.07.2025	23	
	01.08.2025	31.08.2025	21	
	01.09.2025	12.09.2025	8	
	JUMLAH HARI		66	
	CUTI PENGGAL 2, SESI 2025/2026			
13.09.2025 - 21.09.2025			9	
3	22.09.2025	30.09.2025	7	13
	01.10.2025	31.10.2025	20	
	01.11.2025	30.11.2025	20	
	01.12.2025	19.12.2025	15	
	JUMLAH HARI		62	
	CUTI AKHIR PERSEKOLAHAN SESI 2025/2026			
20.12.2025 - 11.01.2026			23	

CUTI PERAYAAN SESI 2025/2026

CUTI PERAYAAN	TAMBAHAN CUTI PERAYAAN YANG DIPERUNTUKKAN OLEH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA (KPM)		
	KUMPULAN A	KUMPULAN B	CATATAN
HARI RAYA AIDILFITRI 31.03.2025 (Isnin) dan 01.04.2025 (Selasa)	30.03.2025 (Ahad)	02.04.2025 (Rabu)	Tiga (3) Hari Cuti Tambahan KPM untuk Kumpulan A dan Kumpulan B
	02.04.2025 (Rabu)	03.04.2025 (Khamis)	
	03.04.2025 (Khamis)	04.04.2025 (Jumaat)	
HARI DEEPAVALI 20.10.2025 (Isnin) (kecuali Negeri Sarawak)	19.10.2025 (Ahad) dan 21.10.2025 (Selasa)	21.10.2025 (Selasa) dan 22.10.2025 (Rabu) Semua Negeri Kumpulan B kecuali Negeri Sarawak	Dua (2) Hari Cuti Tambahan KPM untuk Kumpulan A dan Kumpulan B
		20.10.2025 (Isnin) Negeri Sarawak sahaja	Satu (1) Hari Cuti Peruntukan KPM

KUMPULAN A:

Sekolah-sekolah di negeri Kedah, Kelantan dan Terengganu

KUMPULAN B:

Sekolah-sekolah di negeri Melaka, Johor, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Perlis, Pulau Pinang, Sabah, Sarawak, Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Labuan dan Wilayah Persekutuan Putrajaya

CATATAN:

- Perayaan Tahun Baru Cina Tahun 2025 : 29 dan 30 Januari 2025 (Dalam Cuti Akhir Persekolahan Sesi 2024/2025)
- Pesta Kaamatan (Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan sahaja) : 30 dan 31 Mei 2025 (Dalam Cuti Penggal 1, Sesi 2025/2026)
- Perayaan Hari Gawai Dayak (Sarawak sahaja) : 01 dan 02 Jun 2025 (Dalam Cuti Penggal 1, Sesi 2025/2026)
- Perayaan Hari Krismas : 25 Disember 2025 (Dalam Cuti Akhir Persekolahan Sesi 2025/2026)